

Seminar on Industrial Minerals and Rocks

9-11 May 1996.

Abstracts of Papers

Katalog Batu Dimensi Malaysia (Dimension stone catalogue of Malaysia)

IR. DZULKARNAIN BIN HJ KAMARUZZAMAN DAN NASHARUDDIN BIN ISA
Institut Penyelidikan Galian, Jabatan Galian Malaysia

Potensi sumber batuan di negara ini yang boleh dijadikan batu dimensi adalah sangat baik memandangkan suasana perkembangan ekonomi negara yang cemerlang dalam sektor pembinaan. Batuan semula jadi ini yang dipotong dan dikilap dikenali sebagai batu dimensi dijadikan hiasan bangunan sebagai hiasan lantai dan dinding bangunan sehingga bangunan kelihatan begitu indah dan canggih.

Namun penggunaan batu dimensi tempatan di dalam sektor pembinaan di negara ini masih terlalu kecil. Antara faktor yang menyebabkan fenomena ini adalah kerana kurangnya pembangunan teknologi mengeksploit bahan tersebut di negara ini dan kesedaran kepada kewujudan bahan tersebut. Sebagai langkah untuk meningkatkan pasaran batu dimensi tempatan di dalam atau di pasaran antarabangsa, Institut Penyelidikan Galian telah menerbitkan sebuah Katalog Batu Dimensi Malaysia supaya maklumat tentang sumber batuan dapat disebarkan.

Kertas-kertas ini membincangkan keperluan menerbitkan buku katalog ini untuk kepentingan industri batu dimensi dan keterangan mengenai maklumat yang dimuatkan dalam katalog tersebut. Ujian-ujian pencirian ke atas batu dimensi juga di senaraikan yang mengikut spesifikasi pemiawaian ASTM.

Memang disedari bahawa usaha pengeluaran pertama katalog tersebut, memang akan terdapat banyak kekurangan data. Walau bagaimanapun adalah menjadi hasrat Institut ini untuk melengkapkan lagi serta memperbaiki isi kandungannya dari masa ke semasa.

The potential usage of our stone resources is good with a buoyant Malaysian economy in the construction sector is booming. These natural rocks typically known as dimension stones are normally surface polished and are used as tiles and slabs in office buildings and shopping complexes for the walls and floors, thus enhancing the beauty and sophistication of the buildings.

Nevertheless, the use of our local dimension stones in the construction sector is still diminutive. A factor that contributes to this is the lack of development in the exploitation technology of the stones. Another is the unawareness to the existence of the material in the country. To enhance the dimension stone market locally and internationally, the Institute has published a Catalogue of Malaysian Dimension Stones that intends to distribute the information.

This paper discusses the needs of publishing the catalogue in the dimension stone's fundamental industry and describes the information outlined in the catalogue. Enlisted also in the paper are the physical tests on the stones that conform to the ASTM standards.

The data collected in its first publication is still incomplete. It is hope that the content will be further improved from time to time.